

# Pakej Bantuan Kos Sara Hidup \$1.1b untuk Keluarga-keluarga



## Bayaran Tunai Khas Pakej Jaminan

Bayaran tambahan **hingga \$200 tunai** untuk 2.5 juta rakyat dewasa Singapura yang layak pada Disember 2023. Secara keseluruhannya, rakyat dewasa Singapura yang layak akan menerima **hingga \$800 tunai** pada Disember 2023.



## Baucar CDC

Tambahan **Baucar CDC sebanyak \$200** untuk setiap keluarga rakyat Singapura pada Januari 2024. Secara keseluruhannya, **Baucar CDC sebanyak \$500** akan diagihkan pada 2024.



## Tambahan Rebat S&CC

Tambahan **rebat S&CC diberikan sekali sahaja sebanyak 0.5 bulan** untuk 950,000 keluarga rakyat Singapura yang tinggal di flat HDB, pada Januari 2024



## Tambahan Rebat U-Save

Tambahan **rebat U-Save sebanyak \$20 setiap suku** daripada Januari 2024 hingga Disember 2025, untuk mengurangkan kesan kenaikan cukai karbon dan harga air



## Baucar Pengangkutan Awam (PTV)

**PTV bernilai \$50** setiap satu untuk keluarga penduduk dengan pendapatan bulanan keluarga bagi setiap orang  $\leq$  \$1,600, mulai akhir Disember 2023

Ketahui bantuan apa yang anda mungkin layak terima:

